

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

30 MAC 2020

.....

1. ARAHAN PEMATUHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Hari ini merupakan hari ke - 13 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Esok merupakan hari terakhir PKP, namun begitu berasaskan situasi semasa, YAB Perdana Menteri pada 25 Mac telah mengumumkan pelanjutan tempoh PKP sehingga 14 April 2020.

MBSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah menyediakan 16 Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang terkesan. Sebanyak RM 75 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan bantuan segera kepada golongan yang terkesan secara langsung dengan penularan wabak Covid-19.

Antara pakej yang diberikan adalah :

- I. Bantuan Tunai *one-off* RM 500 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen di Negeri Pulau Pinang. Bantuan ini juga merangkumi peniaga pasar malam, pasar tani dan kendera saji (*food truck*). Sebanyak 6,957 peniaga kecil dan penjaja berlesen di seluruh Seberang Perai memperolehi manfaat daripada Pakej Bantuan ini. Bagi melancarkan proses pembayaran bantuan khas ini, MBSP akan membangunkan Portal Bantuan Tunai Peniaga Kecil dan Penjaja. Pemohon perlu mengisi Nombor Kad Pengenalan dan nombor Rujukan Lesen sahaja. Portal ini hanya boleh digunakan mulai 6 April 2020. Pemohon hendaklah mempunyai nombor akaun bank dan nombor rujukan lesen dan bagi permohonan yang berjaya, bantuan ini akan disalurkan terus ke dalam akaun pemohon. Hal ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap rakyat Pulau Pinang.

- II. Seramai 4532 penyewa pasar awam dan kompleks makanan MBSP diberi pengecualian sewa bagi bulan April 2020.

- III. Seramai 250 penyewa PPR Ampangan , Ampang Jajar , SPT diberikan pengecualian dua (2) bulan sewa iaitu April dan Mei 2020.
- IV. kerajaan negeri telah meluluskan Insentif Khas sebanyak RM 300 setiap seorang kepada wira barisan hadapan.
- V. Meluluskan bekalan peralatan keselamatan kepada semua wira barisan hadapan

Sehubungan itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada wira barisan hadapan MBSP iaitu terdiri daripada Wira Oren, Direktorat Penguatkuasaan , Jabatan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan jabatan-jabatan lain yang bertungkus-lumus bekerja semasa mengalami krisis Covid-19, demi menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Saya mohon kepada seluruh penduduk Seberang Perai agar bersabar dan bertenang menghadapi krisis Covid-19 yang sedang melanda. Diharapkan seluruh penduduk Seberang Perai mematuhi Perintah Kawalan Gerakan dan jangan bersesak-sesak ke tempat tumpuan orang awam seperti pasar awam dan pasaraya terutamanya pada hujung

minggu. Keperluan barang keperluan mencukupi dan tidak perlu membuat pembelian secara panik.

Saya memerlukan kerjasama daripada seluruh penduduk Seberang Perai bagi membendung wabak Covid-19 daripada terus menular dengan duduk di rumah. In shaa Allah, berkat sokongan, kebersamaan dan kesabaran kita semua, mudah-mudahan kita akan berjaya mengatasi krisis ini.

2. SAMBUTAN AWAL RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak pada 24 April 2020 (Jumaat). Saya berharap Covid-19 dapat diputuskan rantaiannya supaya Ramadhan tahun ini kita dapat menyambutnya seperti biasa. Justeru, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai.

3. TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA COVID-19

Dukacita dimaklumkan sehingga kini, kes kematian Covid-19 telah meningkat kepada angka 35 orang seperti yang dilaporkan kepada

CRPC (Crisis Preparedness Response Centre). Ucapan takziah diucapkan kepada seluruh ahli keluarga arwah yang meninggal dunia disebabkan Covid-19.

Saya mohon semua orang mengamalkan *social distancing* sekiranya terpaksa keluar dari rumah untuk menyelesaikan hal yang mustahak dan sekiranya tidak terdapat hal mustahak sila duduk rumah.

SEKIAN, TERIMA KASIH.